

19/03/1998

Wanita Batu Berendam kekalkan pemimpin lama

MELAKA, Rabu - Wanita Umno bahagian Batu Berendam mencipta sejarah apabila pertama kali tiada pemilihan jawatan bagi barisan kepemimpinannya dalam persidangan perwakilannya, Sabtu ini.

Ini berikutan, semua 70 cawangan wanita dalam bahagian itu yang selesai mengadakan mesyuarat Ahad lalu, mencalonkan semula barisan kepimpinan lama, termasuk ketua, Hazizah Mohd Sultan serta Naib Ketua, Nor Adibah Abdullah untuk kekal menyandang jawatan masing-masing.

Ahli jawatankuasa yang turut dicalonkan dikekalkan ialah Jainah Marzuki, Saleha Jantan, Che Jah Samsudin, Faridah Abd Aziz, Hatikah Md Yassin, Maimunah Md Idrus, Endon Moktar, Mariam Hussain, Fatimah Abd Hamid, Jalilah Abu Hassan, Ramlah Baba dan Pani Mamat.

Pengerusi Tetap ialah Mariam Baharin dan timbalan pengerusi tetap, Hapipah Mahat.

Hazizah, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tangga Batu, berkata keputusan cawangan wanita itu adalah yang pertama kali berbanding sebelum ini, pemilihan akan diadakan peringkat ahli jawatankuasa wanita bahagian.

Katanya, ini adalah hasil perjumpaan Wanita Umno bahagian Batu Berendam dengan semua cawangan supaya mematuhi nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar jangan terlalu banyak berpolitik dengan mengelakkan pertandingan.

"Wanita Umno bahagian Batu Berendam juga mencadangkan kepada semua cawangan wanita mencalonkan semula ahli jawatankuasa lama yang sudah terbukti boleh berkhidmat," katanya ketika dihubungi di sini.

Menurutnya, cawangan wanita juga dinasihatkan bahawa menjadi ahli jawatankuasa adalah bermatlamat berkhidmat kepada parti dan bukannya hendak mencari glamour.

Berikutan itu, katanya, mereka yang hendak menawarkan diri berkhidmat kepada parti boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa biro-biro yang akan ditubuhkan nanti.

Sementara itu, tiga lagi bahagian Wanita di negeri ini akan menghadapi pemilihan jawatan apabila mengadakan persidangan perwakilan masing-masing Sabtu ini.

Ahli Exco Wanita Umno, Latipah Omar yang mempertahankan jawatan Ketua Wanita Umno bahagian Alor Gajah akan ditentang oleh Ketua Wanita cawangan Sungai Buloh, Rohani Md Aris manakala Naib Ketua Wanita bahagian, Jamaliah Abu pula akan ditentang oleh Ketua Wanita cawangan Bukit Beringin, Azizah Ghani.

Ketua Wanita Umno Melaka, Mahani Manap yang mempertahankan jawatan Ketua Wanita bahagian Selandar akan ditentang oleh Naib Ketua wanita bahagian, Sapihah Ali manakala jawatan naib ketua pula pertandingan di antara Nyilan Salleh dan Norpipah Abdul.

Ketua Wanita Umno Kota Melaka, Rabiyyah Ali yang mempertahankan jawatannya akan ditentang oleh Rahmah Majid manakala Naib Ketuanya, Azizah Said akan ditentang oleh Tun Fatimah Abdul Rauf.

(END)